

Lepas 2.63 juta benih ikan, udang galah sejak 2016

18/3/2023 M.S. 32

TASEK GELUGOR: Sebanyak 2.63 juta benih ikan dan udang galah dilepaskan ke perairan umum di negeri ini membabitkan peruntukan berjumlah RM388,000 sejak tujuh tahun lalu.

Pengarah Perikanan negeri, Yazeereen A. Bakar berkata, secara amnya, pelepasan itu dilihat bermanfaat kepada penduduk setempat selain memberi manfaat khusus kepada kira-kira 345 orang nelayan darat di seluruh Pulau Pinang.

Beliau berkata, ia bertujuan menambah, mengekalkan serta melindungi stok udang galah dan ikan yang terdapat di perairan umum selain dijadikan sebahagian kalendar aktiviti Jabatan Perikanan negeri yang dilakukan secara berkala.

Terbaru, katanya, sebanyak 100,000 ekor benih udang galah dilepaskan hari ini dengan peruntukan sebanyak RM10,000 di Jeti Nelayan Lebuh Banting, di sini.

"Program ini. (pelepasan udang galah) bertujuan memastikan stok udang galah di sepanjang Sungai Kulim khususnya berkekalan demi mengelakkan kepupusan sumber perikanan sedia ada."

"Pertambahan stok ini penting untuk meningkatkan ekonomi nelayan setempat di sepanjang Sungai Kulim dan limpahannya juga mengalir hingga ke Sungai Perai selain

boleh menjadi aktiviti riadah kepada pemancing.


"Apabila stok udang galah ini bertambah, pendapatan nelayan juga akan meningkat," katanya pada program pelepasan itu, semalam.

Tambah Yazeereen, usaha itu pastinya memberi kesan positif kerana merupakan salah satu kaedah memelihara serta memulihara pelbagai hidupan sungai yang semakin pupus selain mampu menjana pendapatan nelayan dan penduduk setempat.

Selain program pelepasan udang galah itu, Jabatan Perikanan negeri turut mengadakan Program Kajian Inventori Sungai di lokasi yang sama dengan kerjasama Koperasi Nelayan Darat Labuh Banting antara 13 hingga 16 Januari tahun lepas.

Program itu melibatkan seramai 20 peserta terdiri daripada nelayan dan kakitangan Jabatan Perikanan Pulau Pinang menggunakan pelbagai peralatan menangkap ikan seperti jaring dengan pelbagai saiz mata pukat, jala, pukat cekam serta pancing.

Jumlah hasil tangkapan yang diperolehi sepanjang empat hari program itu adalah sebanyak 427.8 kilogram (kg) melibatkan 21 spesies ikan dan udang galah merupakan spesies yang paling banyak ditangkap.



YAZEEREEN A. Bakar (kanan) pada majlis pelepasan benih udang galah di Jeti Nelayan Lebuh Banting, Tasek Gelugor, Pulau Pinang, semalam. - UTUSAN/ISWAN SHAFIQ ISA